

Kertas Bil. 38/2014



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN PROGRAM PEMBERIAN
BAUCAR PERAYAAN JOM SHOPPING**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM PEMBERIAN BAUCAR PERAYAAN JOM SHOPPING

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 24-28 November dan 1-5 Disember 2014.

2. PROGRAM TUMPUAN JAWATANKUASA

JPK-Pembasmian Kemiskinan yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri secara fokus memilih tiga program yang sedang dalam pelaksanaan iaitu dapur jalanan untuk golongan gelandangan, Jom Shopping khasnya pemberian baucar perayaan dan Dasar Perumahan Mampu Milik Kerajaan Negeri Selangor.

3. PENDENGARAN TERTUTUP

JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup pada 10 September 2014 (Rabu) bagi mendengar taklimat mengenai Program Pemberian Baucar Perayaan Jom Shopping.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- | | |
|--|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |

Wakil daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Seksyen Sektoral yang dijemput adalah:

1. Puan Norazlina binti Mohd Abdul Aziz
Timbalan Pengarah Seksyen Sektoral (UPEN)
2. Cik Nurul Asyikin binti Nordin
Penolong Pengarah Seksyen Sektoral (UPEN)

4. PERTUKARAN AHLI JAWATANKUASA

Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan ini adalah dibuat dan disahkan oleh ahli Jawatankuasa seperitimana pada 26 September 2014 setelah satu ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan meletakkan jawatan:

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad yang meletakkan jawatan pada 26 September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 26 September 2014.

Ahli Jawatankuasa sebagaimana 4 November 2014:

- | | |
|--|-----------|
| 1. Y.B. Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 4. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuai Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |

Pada masa Pendengaran Tertutup ini berlangsung, segala keterangan yang dilaporkan di dalam Laporan Jawatankuasa ini dihadiri dan didengar oleh ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan yang sebelum ini seperti berikut;

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |
| 7. | Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |

5. LATARBELAKANG

Program Pemberian Sumbangan Kepada Rakyat Miskin di Negeri Selangor mula dilaksanakan sejak tahun 2012 untuk meringankan bebanan golongan miskin sempena hari-hari perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali. Selain itu, program ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan keyakinan golongan miskin bagi merayakan hari kebesaran bagi agama dan kepercayaan masing-masing.

6. FAKTA

1. Kaedah Pelaksanaan Program Pemberian Sumbangan Kepada Rakyat Miskin di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Bil	Perayaan	Jenis Pemberian	Agihan Kepada (Penerima)	Pembentukan Program (Peruntukan)	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1	Hari Raya Aidilfitri 2012	Barangan Keperluan	1000	PO1-Bajet Tambahan Pembangunan	2,394,000.00	2,394,000.00
2	Deepavali 2012	Barangan Keperluan	700	PO1-Bajet Tambahan Pembangunan	1,764,000.00	1,764,000.00
3	Back To School 2012	Beg Sekolah	1000	PO1-Pembasmian Kemiskinan	728,000.00	728,000.00
4	Tahun Baru Cina 2013	Angpau Tunai (RM 50)	16,800	PO1-Pembasmian Kemiskinan	840,000.00	840,000.00
5	Hari Raya Aidilfitri 2013	Baucar Pasaraya (RM 100)	28,000	PO1-Pembasmian Kemiskinan	2,800,000.00	2,800,000.00
6	Deepavali 2013	Baucar Pasaraya (RM 100)	16,800	PO1-Pembasmian Kemiskinan	1,680,000.00	1,680,000.00
7	Back To School 2013	Baucar BATA (RM 30)	33,600	PO1-Pembasmian Kemiskinan	1,008,000.00	627,570.00
8	Tahun Baru Cina 2014	Baucar Pasaraya (RM 100)	22,400	PO1-Pembasmian Kemiskinan	2,240,000.00	2,176,700.00
9	Hari Raya Aidilfitri 2014	Baucar Pasaraya (RM 100)	27,300	PO1-Pelbagai Projek	2,730,000.00	2,573,200.00
JUMLAH KESELURUHAN			147,600		16,184,000.00	15,583,470.00

Sumber:Seksyen Sektoral UPEN

2. Kesemua program yang dijalankan menggunakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri.
3. Pada tahun 2014, terdapat dua lagi program yang dirancang untuk dilaksanakan iaitu perayaan Deepavali pada bulan Oktober dan Program Back to School pada bulan Disember.

4. Senarai nama penerima baukar perayaan diperolehi daripada Pejabat DUN (Dewan Undangan Negeri)
5. Pemberian baukar perayaan adalah bersifat kebajikan kepada golongan miskin yang mempunyai isi pendapatan rumah kurang daripada RM3,000.
6. Program *Jom Shopping* adalah di bawah program MES (Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor) dan pemberian baukar perayaan adalah di bawah STANDCO Kemiskinan/UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri).
7. Pemberian baukar perayaan mula-mula dicadangkan untuk membantu meringankan beban golongan miskin.
8. Program lain yang dilaksanakan oleh Seksyen Sektoral UPEN ialah program pemberian peralatan untuk tujuan keusahawanan dan juga program membiayai anak golongan miskin ke INPENS (Institusi Peniliaian Negeri Selangor).

7. PERAKUAN SEKSYEN SEKTORAL UPEN

1. Pemberian baukar perayaan tidak mempunyai peruntukan yang dikhatuskan dan setiap kali program pemberian baukar perayaan dilaksanakan, kertas MMKN perlu disediakan untuk permohonan peruntukan.
2. Bajet tahunan untuk melaksanakan program pembasmian kemiskinan secara purata ialah RM2 juta.
3. Peruntukan untuk melaksanakan program pemberian baukar perayaan ditentukan mengikut anggaran pecahan kaum di setiap DUN kerana Seksyen Sektoral UPEN tidak mempunyai data yang khusus dan terpaksa bergantung kepada Seksyen Agihan dan Pembangunan untuk mendapatkan angka secara kasar.
4. Pada tahun 2014, peruntukan yang dipohon oleh Seksyen Sektoral UPEN untuk melaksanakan program pembasmian kemiskinan ialah RM7 juta dan peruntukan ini termasuk peruntukan tahunan dan peruntukan tambahan.
5. Jumlah peruntukan tahunan yang optimum untuk menjayakan program pemberian baukar perayaan adalah RM2.2 juta untuk satu perayaan dan jumlah keseluruhan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM7 juta hingga RM8 juta.

6. Peruntukan pelbagai tahunan yang ditetapkan ialah RM 20 juta dan peruntukan tersebut merupakan salah satu sumber peruntukan yang digunakan untuk melaksanakan pemberian baucar perayaan.
7. Seksyen Sektoral UPEN menggunakan data yang dibekalkan oleh YAWAS (Yayasan Warisan Anak Negeri Selangor) dan data khusus yang selanjutnya sukar yang diperolehi daripada YAWAS kerana sistem data yang dibekalkan oleh YAWAS tidak sempurna serta tidak disepaduan.
8. UPEN tidak mempunyai maklumat berhubung bilangan warga emas miskin yang menerima manfaat di bawah program *Jom Shopping* dan juga data berhubung jumlah rakyat miskin di negeri Selangor.
9. UPEN telah mencadangkan kepada Dato' Menteri Besar pada awal tahun 2014 untuk menjalankan bancian penduduk di negeri Selangor bagi mengetahui jumlah sebenar penduduk miskin di negeri Selangor.

8. PENEMUAN JAWATANKUASA

1. Sistem data yang dibekalkan oleh YAWAS kurang memuaskan kerana data yang dibekalkan kepada agensi yang berlainan tidak disepaduan dan juga ada data yang tidak diperolehi oleh YAWAS daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
2. Pemberian baucar perayaan dapat mengeratkan hubungan dan keprihatinan di antara Kerajaan Negeri dan rakyat.
3. Syarat pemberian baucar perayaan tidak begitu jelas.

9. SARANAN JAWATANKUASA

1. Kerajaan Negeri hendaklah memberikan tumpuan kepada satu program teras dalam membantu membasmi kemiskinaan seperti melancarkan satu program pembasmian kemiskinan yang bersifat kekal dan bukannya bermusim supaya dapat memberikan kesan langsung kepada perangsang kesejahteraan dan memupuk semangat pemerkasaan.
2. Kerajaan Negeri harus menyediakan bajet yang besar dan kekal mengikut keperluan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)

3. Kerajaan Negeri hendaklah mewujudkan satu pengkalan data yang bersepadu dan dapat dikongsikan bersama agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dalam membasmikan kemiskinan.
4. Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan bincian penduduk miskin di negeri Selangor supaya satu sistem rekod yang tepat dapat digunakan untuk mencapai matlamat program pembasmian kemiskinan.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) dan Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada 4 November 2014.

Disahkan oleh:



Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

AHLLI-AHLLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | | |
|------|---|-----------|
| i) | Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) | Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iii) | Y.BPuan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| iv) | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| v) | Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| vi) | Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker